



NST 2814/2011 6

PESERTA ... Sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam bengkel itu.

## BPKP UMS anjur bengkel kebersihan dan keselamatan kafeteria

KOTA KINABALU: Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar (BPKP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Bengkel kebersihan dan keselamatan kafeteria baru-baru ini.

Bengkel yang diadakan di Beringgis Beach Resort, Papar itu disertai oleh seramai 46 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai BPKP Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP), Pengetua-pengetua Kolej Kediaman UMS, Chase Perdana Sdn Bhd (CPSB) dan Exco Jawatankuasa Kebajikan Mahasisiwa (JAKMAS) UMS.

Pengerusi penganjur bengkel, Mat Usup Haji Rasid, memberitahu bengkel itu bertujuan mem-

beri pendedahan dan pengalaman kepada para peserta untuk memahami dan menimba pengetahuan baru berkenaan kebersihan dan keselamatan kafeteria. Tambahnya, ia selaras dengan matlamat BPKP yang mengutamakan kebajikan dan keselamatan pelajar yang merupakan pelanggan utama kepada kafeteria yang ada di UMS.

Sementara itu, Dekan SSMP, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani, ketika mewakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dalam majlis perasmian penutupan bengkel berkata, adalah menjadi harapan beliau supaya melalui peraturan-peraturan kafeteria yang dibincangkan dalam bengkel itu dapat meningkatkan lagi perkhidmatan kafeteria sama ada dari segi pen-

gurusan makanan, pekerja mahupun jaminan persekitaran yang bersih dan selamat.

Menurutnya lagi, beliau sangat berbangga kerana satu resolusi berjaya dicapai hasil perbincangan para peserta bengkel khususnya dalam memberi jalan penyelesaian mengenai masalah yang sering dihadapi dalam pengurusan kafeteria.

Bengkel selama tiga hari itu dikendalikan oleh penceramah kompeten dari UMS dan Kementerian Kesihatan.

Sebanyak topik telah diutarakan merangkumi Peraturan-peraturan Perkhidmatan Kafeteria, Perolehan dan Sebutharga Tender, Perundangan dan Tatatertib, Kebersihan serta Bidang Kuasa Kafeteria.